

Tokoh korporat jayakan Siri Ceramah UCSI



Oleh Rosniza Mohd Taha
yoniza@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Ketua Pegawai Eksekutif SME Corporation Malaysia (SME Corp Malaysia), Datuk Dr Hafsa Hashim, menjadi tokoh pertama jayakan Siri Ceramah Personaliti Unggul di Universiti UCSI (UCSI) sini, baru-baru ini.

Menerusi sesi ceramah lebih

sejam itu, beliau memberi penekanan mengenai peranan perusahaan kecil sederhana (PKS) sebagai 'tulang belakang' kepada ekonomi negara, cabaran serta pendekatan baru dilaksanakan bagi membangunkan industri itu.

Hafsa menegaskan kepentingan industri PKS terus dibangunkan termasuk merantainya kepada syarikat yang lebih besar serta menggunakan inovasi dan teknologi terkini untuk melancarkan operasi perniagaan.

"Industri PKS menerajui dalam aspek penyediaan peluang pekerjaan sebanyak 65

peratus selain kira-kira 36 peratus sumbangan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar.

"Sumbangan industri PKS terhadap ekonomi negara akan terus diperkasa menerusi pelbagai pendekatan termasuk memanfaatkan kepakaran warga institusi pengajian tinggi (IPT) bagi membantu meningkatkan kecekapan operasi perniagaan mereka menerusi perkongsian inovasi dan ilmu pengurusan yang lebih sistematik," katanya ketika menyampaikan ceramah pada majlis itu.

Kongsi pengalaman

Sementara itu, Naib Canselor merangkap Presiden UCSI, Profesor Datuk Dr Khalid Yusoff, berkata siri ceramah itu dianjurkan UCSI menjelang Persidangan Pengukuhan Kerjasama Industri-Akademik (SIAP), bertujuan menghubungkan organisasi korporat dan IPT untuk menghasilkan graduan

yang serba boleh serta berciri keusahawanan.

"Kami berbesar hati kerana tokoh korporat sudi jayakan program ini bagi berkongsi pengalaman dan membantu kedua-dua pihak industri serta akademik untuk menjelaskan mengenai apa yang boleh dilakukan dan dipertaruhkan bagi tujuan kerjasama," katanya ketika menyampaikan ucapan aluan.

Siri kedua dan ketiga ceramah prapersediaan itu akan menampilkan Pengerusi Air Asia X Berhad, Tan Sri Rafidah Aziz serta Penasihat Sains kepada Perdana Menteri, Prof Emeritus Tan Sri Dr Zakri Abdul Hamid, masing-masing pada 18 Februari dan 11 Mac ini.

Persidangan SIAP akan berlangsung pada 22 Mac dan dihadiri oleh pengurusan IPT, industri, PKS, pertubuhan perdagangan, badan profesional dan Kementerian.

Hafsa menyampaikan ceramah pada sesi pertama Siri Ceramah Personaliti Unggul di UCSI Kuala Lumpur, baru-baru ini.



Tetamu khusyuk mendengar penerangan Hafsa ketika Siri Ceramah Personaliti Unggul di UCSI Kuala Lumpur.